

0326

U 8797 DEB

MAHATHIR-DELEGASI 1984
KUALALUMPUR, 21 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGELUARKAN ARAHAN MEMESTIKAN SEMUA PEGAWAI DAN SESIAPA SAHAJA YANG MENYERTAI SEBARANG ROMBONGAN TERMASUK MISI PERDAGANGAN MALAYSIA KE LUAR NEGERI MENGETAHUI SEGALA MAKLUMAT BERKENAAN DENGAN NEGARA INI MENJAGA IMEJ NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA PERLU MELENCAPAI DIRI DENGAN SEGALA PENGETAHUAN TENTANG MALAYSIA UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBERI JAWAPAN KETIKA DISOAL OLEH KENALAN MEREKA DI SEBERANG LAUT.

ARAHAN BARU ITU DIPUTUSKAN DALAM MESYUARAT MINGGUAN KABINET YANG DIADAKAN DI PEJABATNYA.

+KITA ABA TERIMA LAPORAN TENTANG KADANG-KADANG ADA ANGGOTA DELEGASI MALAYSIA KE LUAR NEGERI YANG TIDAK BOLEH MEMBERI JAWAPAN KETIKA DITANYA. . . SAYA TIDAK MAHU INI BERLAKU LAGI KERANA SUDAH TENTU MEMALUKAN NEGARA INI, + TEGASNYA.

DALAM HUBUNGAN INI, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEDANG MENGAJUKAN SAMA ADA PERLU DIADAKAN KURSUS ATAU TAKLIMAT KHAS KEPADA PARAPESERTA ROMBONGAN MALAYSIA SEBELUM MEREKA PERGI KE NEGARA-NEGARA ASING. ---LAGI

1621MST 21 11 84

0326

U 8798 DEB

MAHATHIR-DELEGASI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEGAWAI ATAU SESIAPA SAJA YANG MENYERTAI ROMBONGAN MALAYSIA KE SEBERANG LAUT MESTI TAHU SEBANYAK MUNGKIN MAKLUMAT TENTANG NEGARA INI SUNGGUHPUN PERKARA ITU TIDAK TERMASUK DALAM BIDANG TUGAS MEREKA.

+APABILA DISOAL MEREKA MESTI TAHU MENJAWAB UMPAMANYA TENTANG SYARAT-SYARAT PERDAGANGAN, DASAR-DASAR KERAJAAN, DASAR IMPORT-EKSPORT NEGARA DAN MENGENAI PEMBIAYAAN.

+BUKAN ITU SAHAJA, MEREKA JUGA MEMESTIKAN MENGETAHUI SERBA-SERBI TERUTAMA MENGENAI IKLIM PELABURAN, KEDUDUKAN POLITIK NEGARA INI DAN JUGA BERAPA RAMAI PENDUDUKNYA. +

DR. MAHATHIR BERKATA KABINET JUGA MEMUTUSKAN TENTANG PERLUNYA SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN PERDAGANGAN DI LUAR NEGERI MEMENUHI JANJI YANG DIBUAT MENGENAI BEKALAN BARANG-BARANG UNTUK MEMBERI GAMBARAN YANG BAIK TENTANG NEGARA INI DAN MENJAMIN BAHAWA PERHUBUNGAN YANG DIJALIN TIDAK TERJEJAS. ---LAGI

1625MST 21 11 84

0327

U 8799 DEB

MAHATHIR-DELEGASI 3 KUALA LUMPUR

+KITA INGIN TAHU BAGAIMANAKAH BOLEH KITA KAWAL SEDIKIT TENTANG SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENJUAL BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA KE LUAR NEGERI SAMA ADA MEREKA MENUNAIKAN JANJI MEREKA ATAU TIDAK. +

PERDANA MENTERI BERKATA INI MEMANDANGKAN ADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG TIDAK MEMATUHI JANJI DENGAN MEMBEKALKAN BARANG-BARANG YANG KASAR BUATANNYA ATAU TIDAK MEMATUHI SYARIKAT YANG DITETAPKAN DALAM PERJANJIAN. --- BERNAMA.

1624MST 21 11 84